

# Mercedes-Benz Malaysia ambil graduan sebagai eksekutif

Karmo (Niago)  
Khamis 7/3/13  
m,52

**KUALA LUMPUR** — Mercedes-Benz Malaysia Sdn. Bhd. (Mercedes-Benz Malaysia) akan mengambil lebih ramai graduan dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjawat jawatan sebagai eksekutif di syarikat berkenaan.

Naib Presiden Pengeluaran bagi kilang Mercedes-Benz di Pekan, Sebastian Streuff berkata, pihaknya memiliki satu pasukan eksekutif berkelulusan tinggi untuk mengendalikan bahagian kejuruteraan, pengurusan kualiti dan perancangan logistik.

"Mahasiswa UMP boleh menjalankan latihan praktikal mereka di sini dan kami berhasrat untuk membina hubungan jangka panjang dengan universiti itu dengan mengambil mereka sebagai pekerja selepas itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian memorandum persefahaman antara dua pihak tersebut di sini semalam.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Mengenai pelaburan masa depannya, pengeluar kenderaan mewah itu bercadang untuk meningkatkan jualan dan pengeluarannya sebagai usaha untuk meningkatkan penggunaan pasaran selain memenuhi keperluan pelanggan di negara ini.

"Bila ini terjadi (pengembangan operasi syarikat), kami akan mengambil lebih ramai pelajar sebagai pekerja.

Sementara itu, Daing Nasir menjelaskan, semua pelajar dari universiti berkenaan yang menepati piawaian yang ditetapkan akan dipilih untuk menjalani latihan praktikal di syarikat tersebut.

Menurutnya, kerjasama ini akan membantu UMP melahirkan siswazah yang berkebolehan untuk memenuhi keperluan industri automotif.